

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT - PKR]**

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN NO. 43

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sistem sokongan luaran dan program yang disediakan bagi menggerakkan program 'Positive Youth Development' (PYD) untuk mencapai tujuan menyediakan belia sebagai 'Rakan Kongsi Pembangunan Negara'.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Belia Malaysia yang dilancarkan pada 15 Mei 2015 telah mengetengahkan konsep '*Positive Youth Development*' (PYD) melalui Teras 1 DBM: Pembangunan Belia Positif. Ia merupakan satu pendekatan yang mengiktiraf potensi belia berdasarkan pengukuhan kesejahteraan hidup belia. Pendekatan ini mengubah pembangunan aset belia agar berkeupayaan untuk menyerlahkan potensi belia bagi mencapai Matlamat 8C. Matlamat 8C tersebut adalah *Caring* (penyayang), *Competent* (kecekapan), *Character* (perwatakan), *Confident* (keyakinan), *Cooperation* (kerjasama), *Considerate* (bertimbang rasa), *Competitive* (kompetitif) dan *Contribution* (sumbangan).
2. Dalam menyediakan golongan belia sebagai 'Rakan Kongsi Pembangunan Negara', pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengambil inisiatif dan usaha berterusan menerusi pelaksanaan program-program ke arah PYD. Program-program ini merupakan pendekatan yang mengiktiraf potensi belia, dibangunkan melalui cara yang positif serta bersesuaian dengan potensi di mana belia berada.
3. Justeru, antara program-program PYD yang dilaksanakan oleh KBS adalah seperti program Parlimen Belia Malaysia (PBM), Program Felo Perdana dan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) yang memenuhi kehendak belia serta mengiktiraf potensi

SULIT

belia dengan cara yang positif. Program Parlimen Belia Malaysia contohnya, pandangan dan suara hati diberi keutamaan dan perhatian dimana usul yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) diangkat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk tindakan seterusnya. Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan sentiasa menyediakan ruang kepada golongan belia sebagai 'Rakan Kongsi Pembangunan Negara'.

Sekian, terima kasih.